



UPM EDUCATION & TRAINING

WHOLLY OWNED BY UPM HOLDINGS SDN BHD

(850011-U)

**GARIS PANDUAN
PUSAT PEMBELAJARAN
PROGRAM PENDIDIKAN JARAK JAUH (PJJ)
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM)**

**GARIS PANDUAN PUSAT PEMBELAJARAN
PROGRAM PENDIDIKAN JARAK JAUH (PJJ)
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM)**

1. Pendahuluan

Garis panduan ini merupakan ketetapan dan syarat yang telah diwujudkan oleh UPM Education & Training untuk syarikat yang diwakili oleh organisasi atau orang perseorangan di dalam permohonan atau pembaharuan sebagai Pusat Pembelajaran bagi Program Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Putra Malaysia (PJJ UPM).

2. Permohonan / Pembaharuan sebagai Pusat Pembelajaran

Untuk memohon sebagai Pusat Pembelajaran Program PJJ UPM, yuran pemprosesan sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ribu Lima Ratus sahaja per pusat pembelajaran (RM2,500.00 / pusat pembelajaran) perlu disertakan semasa menghantar **Senarai Semak Permohonan/ Pembaharuan** beserta dokumen yang diperlukan.

Peringkat pelantikan sebagai pusat pembelajaran:

- 2.1 **Pelantikan Bersyarat dan Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA)** – Lawatan pihak UPM Education & Training dan Jawatankuasa Pengawasan Mutu Akademik (JUMPA) UPM.
- 2.2 **Pelantikan Penuh** – Lawatan dan pengesahan pihak Jabatan Pengajian Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia bagi Audit Lokasi.

UPM Education & Training dan JUMPA UPM akan mengadakan lawatan penilaian dan pemilihan untuk melihat sama ada infrastruktur dan peralatan yang disediakan bersesuaian dengan keperluan program yang dikendalikan.

Ini berikutan pihak Bahagian Governan IPTA akan mengadakan lawatan Audit Lokasi bagi kesemua pemohon yang memohon sebagai pusat pembelajaran seperti yang ditetapkan oleh pihak Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT). Hanya lokasi / premis yang dipersetujui dan mendapat pengesahan pihak JPT akan menandatangani Dokumen Memorandum Perjanjian (MoA).

3. Panduan Penyediaan Dokumen Permohonan / Pembaharuan

Sehubungan dengan itu syarikat perlu mengemukakan surat permohonan bagi lantikan baru atau pembaharuan bagi lantikan semula sebagai Pusat Pembelajaran Program PJJ UPM dan menyediakan keperluan dokumen seperti dibawah:-

3.1 Bahagian A – Surat Permohonan

Surat permohonan atau pembaharuan sebagai Pusat Pembelajaran Program PJJ UPM.

3.2 Bahagian B – Maklumat Pemohon

- a) Nama pemohon seperti di dalam kad pengenalan.
- b) Sila nyatakan status pemohon bagi pemilikan syarikat (tunggal / perkongsian). Jika perkongsian, sila lampirkan surat persetujuan bersama dan seorang dipilih sebagai wakil pemohon.
- c) Syarikat mesti mempunyai modal berbayar tidak kurang daripada RM30,000.00 bagi menggambarkan keupayaan syarikat dalam menyediakan perkhidmatan dan kemudahan sebagai Pusat Pembelajaran.
- d) Pemegang saham syarikat hendaklah dimiliki sepenuhnya oleh bumiputera.
- e) Sebarang pindaan struktur ekuiti, saham, pindah milik mestilah disahkan oleh pendaftar / setiausaha syarikat (Salinan Borang 24/32A) dan perlu memaklumkan kepada UPM Education & Training.

3.3 Bahagian C – Cadangan Premis

- a) Jika premis yang dicadangkan adalah milik sendiri, kepilkan surat perjanjian jual beli (Sales and Purchase Agreement).
- b) Jika bangunan premis yang dicadangkan adalah menyewa / pajakan, kepilkan surat perjanjian sewaan / surat perakuan sewaan premis / surat perjanjian pajakan (Tenancy Agreement) dan nyatakan sewaan / pajakan untuk sebulan.
- c) Nyatakan lokasi premis Pusat Pembelajaran samada ianya lokasi yang strategik dan terletak di bandar atau di luar bandar (penerangan ringkas).
- d) Kemudahan dan kelengkapan yang disediakan adalah mengikut keperluan bagi menjalankan Program PJJ UPM (Rujuk Ringkasan Keperluan Pusat Pembelajaran Program Pendidikan Jarak Jauh Universiti Putra Malaysia).



3.4 Bahagian D - Profil Syarikat

a) Maklumat Korporat

i) Latar Belakang Syarikat (Profil)

ii) Ahli Lembaga Pengarah / Ahli Kongsi / Tuan Punya

- Nama
- Alamat
- No. K/P

iii) Maklumat Syarikat

- Nama Syarikat
- No. dan Tarikh Pendaftaran Syarikat
- Alamat Pejabat Operasi
- Jenis Perniagaan (Pembekalan / Perkhidmatan / Kerja)
- No. Rujukan Sijil Kementerian Kewangan (Tempoh)
- Taraf Syarikat
- Bidang Bekalan / Perkhidmatan
(Kepala dan Sub Kepala dari Kementerian Kewangan)
- No. Cukai Pendapatan

iv) Maklumat Komunikasi

- No. Telefon
- No. Faksimili
- Email
- Laman Web

v) Maklumat Pembayaran

- Nama Bank
- Alamat Cawangan
- No. Akaun Bank

vi) Setiausaha Syarikat

vii) Juruaudit Syarikat

b) Pengurusan dan Operasi

i) Carta Organisasi

ii) Senarai Nama Staf

- Biodata Pengurus
- Biodata Penyelia
- Biodata Staf Sokongan

c) Pengalaman syarikat dalam bidang pendidikan (jika ada)



3.5 Bahagian E - Kemudahan Fizikal Pelajar

- a) Papan Kenyataan
- b) Kemudahan Talian Internet Broadband
 - minima dengan kelajuan 10 Mbps / muat turun.
- c) Kemudahan Komputer dan Pencetak (Printer)
- d) Kemudahan Peralatan Pengajaran dan Pembelajaran
- e) Bilik Tutorial
- f) Bilik Perbincangan
- g) Tandas
- h) Dewan Peperiksaan
- i) Tempat Letak Kereta
- j) Surau

3.6 Bahagian F - Perakuan Pemohon

Pemohon perlu memperakukan maklumat dan dokumen yang disediakan adalah benar dan permohonan atau pembaharuan sebagai Pusat Pembelajaran Program PJJ UPM boleh terbatal dengan serta merta tanpa memaklumkan kepada pemohon sekiranya maklumat serta dokumen yang disediakan adalah tidak benar dan palsu.

3.7 Bahagian G - Lampiran

- a) Articles of Company (M&A)
- b) Salinan Sijil
 - Borang D
 - Borang Maklumat Perniagaan
 - Borang 8/9/13
 - Borang 24
 - Borang 49
- c) Salinan Maklumat Akaun Semasa Bank
- d) Salinan Sijil Kementerian Kewangan
- e) Salinan Sijil Taraf Bumiputera
- f) Salinan Dokumen Pemilikan / Perjanjian Penyewaan Bangunan



(850011-U)

Pastikan semua butir - butir yang diperlukan ditulis / ditaip dengan lengkap dan terang. Hantar dokumen yang lengkap ke alamat seperti berikut:-

Unit Akademik
UPM Education & Training Sdn. Bhd.
Blok D, UPM-MTDC Technology Centre
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan

No. Tel : +603 8959 3405 / 3406 /3407 / 3408
No. Faks : +603 8959 3409
No.Watsap : +6019 – 429 0348
Emel : upmet@upmholdings.com.my / promosi.upmholdings@gmail.com

UPM Education & Training Sdn. Bhd. (850011-U)

Blok D, UPM-MTDC Technology Centre, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
No. Tel: 603 89593405/3406 No. Faks: 603 89593409 Laman Web: <http://www.upmet.upm.edu.my>



**Senarai Semak Permohonan/Pembaharuan sebagai Pusat Pembelajaran
Program Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) Universiti Putra Malaysia (UPM).**

NO.	PERKARA	TANDAKAN
1.	Yuran Pemprosesan – RM2,500.00 / pusat pembelajaran (Bayar kepada “ UPM EDUCATION & TRAINING SDN. BHD. ”) No. Akaun CIMB 8002167906	
2.	Penyediaan Dokumen	
	- Bahagian A	
	- Bahagian B	
	- Bahagian C	
	- Bahagian D	
	- Bahagian E	
	- Bahagian F	
	- Bahagian G	



(850011-U)

Ringkasan Keperluan Pusat Pembelajaran Program Pendidikan Jarak Jauh Universiti Putra Malaysia

1. Premis

- a) Pemilik Bangunan Premis atau Pejabat (termasuk kemudahan pengajaran dan pembelajaran)
- b) Penyewaan Bangunan Institut Pendidikan (termasuk pejabat, kemudahan pengajaran dan pembelajaran) - perlu mempunyai perjanjian penyewaan sekurang-kurangnya tiga (3) tahun.

atau

Penyewaan bukan Bangunan Institut Pendidikan (termasuk kemudahan pengajaran dan pembelajaran) - perlu mempunyai perjanjian penyewaan sekurang-kurangnya tiga (3) tahun.

2. Pengurusan dan Pentadbiran Akademik

- a) Pekerja Sepenuh Masa (Lampirkan Surat Lantikan Kerja)
 - i) Seorang pengurus
 - ii) Seorang penyelia
 - iii) Seorang kerani

3. Kemudahan dan Peralatan (Pejabat)

- a) Telefon
- b) Faksimili
- c) Tiga (3) buah komputer
- d) Sebuah pencetak (*printer*)
- e) Sebuah pengimbas (*scanner*)
- f) Talian Internet
- g) Sebuah bilik mesyuarat / perbincangan

4. Kemudahan dan Peralatan (Pengajaran dan Pembelajaran)

- a) Dua (2) buah LCD projektor mudah alih
- b) Dua (2) buah skrin putih mudah alih
- c) Dua (2) buah papan putih mudah alih
- d) Talian Internet
- e) * Komputer
- f) ** Bilik Tutorial (kapasiti - 30 orang / bilik)
- g) ** Sebuah Bilik Perbincangan / Bilik Sumber
- h) Tiga (3) buah bilik yang mempunyai kelengkapan sidang video (tele-conferencing).

UPM Education & Training Sdn. Bhd. (850011-U)

Blok D, UPM-MTDC Technology Centre, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
No. Tel: 603 89593405/3406 No. Faks: 603 89593409 Laman Web: <http://www.upmet.upm.edu.my>



UPM EDUCATION & TRAINING
WHOLLY OWNED BY UPM HOLDINGS SDN BHD

(850011-U)

- * Jumlah peralatan ini akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pemantauan Pusat Pembelajaran.
- ** Bilik tersebut sekurang-kurangnya berkipas siling atau berhawa dingin, mempunyai talian internet, komputer dan papan putih (tidak termasuk peralatan mudah alih). Jumlah bilik tutorial adalah berdasarkan bilangan pelajar di Pusat Pembelajaran tersebut.

UPM Education & Training Sdn. Bhd. (850011-U)

Blok D, UPM-MTDC Technology Centre, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
No. Tel: 603 89593405/3406 No. Faks: 603 89593409 Laman Web: <http://www.upmet.upm.edu.my>